

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020**

**SOALAN**

**DATUK LIEW VUI KEONG [ BATU SAPI ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini kes timbang tara (arbitration) ad hoc berkenaan tuntutan wilayah ke atas negeri Sabah yang difailkan oleh waris Sultan Sulu terhadap Malaysia di Sepanyol.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Filipina sentiasa menikmati hubungan dua hala yang erat dan hubungan yang akrab ini terbukti melalui pelbagai dimensi dan kerjasama yang terjalin setelah sekian lama antara Malaysia dan Filipina yang merangkumi pelbagai bidang khususnya dalam pertahanan dan keselamatan selain ekonomi.

3. Sehingga kini, kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta mencari kerjasama-kerjasama baharu di dalam usaha mempertingkatkan lagi keakraban ini. TYT Rodrigo Duterte, Presiden Republik Filipina juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia sebanyak dua (2) kali iaitu pada 2016 dan 2018 bagi membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Ingin saya tekankan bahawa Kerajaan Malaysia memuktamadkan pendirian kita mengenai tuntutan ke atas Sabah. Pendirian ini telah disuarakan setegas-tegasnya. Malaysia telah beberapa kali menjelaskan bahawa kita tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah memandangkan Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia sejak 16 September 1963.

5. Pada 27 Julai 2020, Setiausaha Luar Negeri Filipina, Theodore Locsin, telah mengeluarkan kenyataan melalui media sosial beliau (Twitter) berkenaan isu Sabah. Beliau telah membalas twitter yang dikeluarkan oleh Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Filipina berkenaan bantuan kit *hygiene* yang telah dibekalkan kepada PATI Filipina yang baru pulang ke Mindanao dari negeri Sabah. Menurut beliau, "***Sabah is not in Malaysia if you want to have anything to do with the Philippines***".

6. Pada 3 Ogos 2020, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Duta Besar Republik Filipina untuk mendapatkan penjelasan berkenaan perkara ini dan menyatakan sebarang kenyataan yang merujuk atau mengaitkan tuntutan terhadap Sabah adalah tidak wajar dan (dianggap) sebagai tidak mesra dengan Malaysia.

7. Malaysia meletakkan kepentingan tinggi dan amat menghargai hubungan dengan Filipina secara dua hala serta sebagai rakan kongsi dalam ASEAN, di samping sebagai rakan anggota lain-lain organisasi serantau dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.